



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

Istradat **KONVOKESYEN** **20**

Universiti Malaysia Perlis

► 22 - 25 NOVEMBER 2025
► DEWAN TUANKU CANSELOR,
KAMPUS ALAM
UNIMAP PAUH PUTRA



#UniMAPMantap #Engineering4Society
Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

f y t i in
#UniversitiMalaysiaPerlis

#kekatrelevanberimpak
www.unimap.edu.my

TAHUN	PROGRAM DOKTOR FALSAFAH	PROGRAM SARJANA	PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN	PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI	PROGRAM SARJANA MUDA PERNIAGAAN	PROGRAM SARJANA MUDA KOMUNIKASI MEDIA BAHARU	PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN	PROGRAM MASTER PROFESIONAL	PROGRAM BACELOR PROFESIONAL	PROGRAM DIPLOMA PROFESIONAL	JUMLAH
2006	-	4	107	-	-	-	-	-	-	-	-	111
2007	-	9	554	-	-	-	-	-	-	-	-	563
2008	3	4	645	-	-	-	-	-	-	-	-	652
2009	1	15	751	-	-	-	-	245	-	-	-	1012
2010	7	30	910	-	-	-	-	229	-	-	-	1176
2011	4	58	954	-	-	-	-	222	-	-	-	1238
2012	12	61	1230	-	-	284	-	243	-	-	-	1830
2013	27	63	1292	-	-	298	-	214	-	-	-	1894
2014	44	100	1128	-	-	295	-	308	-	-	-	1875
2015	37	142	1534	26	-	335	-	366	-	-	-	2440
2016	50	169	1563	250	-	460	-	414	-	-	-	2906
2017	75	188	1424	562	-	466	136	329	-	-	-	3180
2018	92	169	1669	654	-	504	153	382	-	-	-	3623
2019	114	149	1680	651	-	492	149	412	-	-	-	3647
2020	60	117	1083	523	-	521	166	292	-	-	-	2762
2021	56	116	1285	535	-	499	151	415	4	-	5	3066
2022	70	117	1283	530	-	454	147	504	16	26	12	3159
2023	67	121	1315	617	38	537	188	551	22	77	60	3593
2024	82	103	1149	514	109	515	185	421	17	146	57	3298
2025	79	98	1041	495	125	708	220	489	21	222	70	3568
Jumlah	880	1833	22597	5357	272	6368	1495	6036	80	471	204	45,593

Peratusan Pecahan Graduan 2025 Mengikut Program Pengajian






UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

Istiadat
KONVOKESYEN
20

Universiti Malaysia Perlis



ATUR CARA ISTIADAT

SIDANG 1	22 NOVEMBER 2025 (SABTU)
8.00 pagi	- Ketibaan Tetamu Jemputan
8.20 pagi	- Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.30 pagi	- Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.45 pagi	- Ketibaan Dif-dif Kehormat
8.50 pagi	- Keberangkatan Tiba YAM Pro-Canselor UniMAP
9.00 pagi	- Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Canselor UniMAP dan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP
	- Perbarisan Penghormatan
9.15 pagi	- Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	- Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	- Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	- Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	- Doa
	- Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	- Pemasyihuran Pro-Canselor UniMAP
	- Penganugerahan Ijazah Kehormat
	- Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah
	- Penganugerahan Ijazah Sarjana
	- Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda • Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Teknologi Makanan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Proses Kimia Industri) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri) dengan Kepujian
	- Pengurniaan Pingat dan Anugerah
	- Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	- Ucapan Wakil Graduan
	- Ucapan Naib Canselor UniMAP
	- Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	- Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	- Lagu Dirgahayu Tuanku
	- Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.15 tengah hari	- Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	- Majlis Bersurai

SIDANG 2	22 NOVEMBER 2025 (SABTU)
2.00 petang	- Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	- Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	- Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	- Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	- Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP dan YAM Pro-Canselor UniMAP
2.50 petang	- Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	- Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	- Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	- Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	- Doa
	- Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	- Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda • Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka Bentuk Telekomunikasi Elektronik) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka Bentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
	- Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	- Ucapan Naib Canselor UniMAP
	- Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	- Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	- Lagu Negaraku
	- Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	- Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP dan YAM Pro-Canselor UniMAP
	- Majlis Bersurai

SIDANG 3**23 NOVEMBER 2025 (AHAD)**

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda • Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawanan Kejuruteraan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dengan Kepujian
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Lagu Dirgahayu Tuanku
	-	Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

SIDANG 4		23 NOVEMBER 2025 (AHAD)	
2.00 petang	-	Ketibaan Tetamu Jemputan	
2.10 petang	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri	
2.15 petang	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	
2.30 petang	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat	
2.45 petang	-	Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP dan YAM Pro-Canselor UniMAP	
2.50 petang	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan	
3.00 petang	-	Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan	
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU	
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran	
	-	Doa	
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen	
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda	
	•	Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dengan Kepujian	
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik	
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP	
	-	Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP	
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen	
	-	Lagu Negaraku	
	-	Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Keluar Dewan	
4.30 petang	-	Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP dan YAM Pro-Canselor UniMAP	
	-	Majlis Bersurai	

SIDANG 5 24 NOVEMBER 2025 (ISNIN)

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi Robotik dan Automasi) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Lagu Dirgahayu Tuanku
	-	Perarakan DYTm Tuanku Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

SIDANG 6

24 NOVEMBER 2025 (ISNIN)

2.00 petang	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	-	Keberangkatan Tiba DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP
2.50 petang	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	-	Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda • Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian • Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Tuanku Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Lagu Negaraku
	-	Perarakan DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	-	Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Pro-Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

SIDANG 7
25 NOVEMBER 2025 (SELASA)

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba YAM Pro-Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan YAM Pro-Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Diploma • Diploma Kejuruteraan Elektrik • Diploma Kejuruteraan Mekatronik • Diploma Kejuruteraan Elektronik • Diploma Kejuruteraan Komputer • Diploma Kejuruteraan Metalurgi • Diploma Kejuruteraan Pembuatan
	-	Pengurniaan Pingat
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTMM Tuanku Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Lagu Negaraku
	-	Perarakan YAM Pro-Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik YAM Pro-Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

SIDANG 8 25 NOVEMBER 2025 (SELASA)

2.00 petang	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	-	Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	-	Keberangkatan Tiba YAM Pro-Canselor UniMAP
2.50 petang	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	-	Perarakan YAM Pro-Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Master Profesional • Master Profesional Pengurusan Projek Pembinaan • Master Profesional Pengurusan Fasiliti
	-	Penganugerahan Bachelor Profesional • Bachelor Profesional Pengurusan Pembinaan • Bachelor Profesional Pengurusan Fasiliti • Bachelor Profesional Pengurusan Perniagaan
	-	Penganugerahan Diploma Profesional • Diploma Profesional Penyeliaan Tapak Pembinaan • Diploma Profesional Pengurusan Fasiliti • Diploma Profesional Pengurusan Trafik Pembinaan • Diploma Profesional Teknologi Industri dan Pengurusan • Diploma Profesional Teknologi Industri • Diploma Profesional Pengurusan Penyeliaan
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTU Tuanku Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Lagu Negaraku
	-	Perarakan YAM Pro-Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	-	Keberangkatan Balik YAM Pro-Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai





Tuanku Canselor

**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

D.K., S.P.M.P., P.A.T

Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University, Melbourne, Australia.

Honorary Doctorate in Management Sciences, Yala Rajabhat University, Thailand.

Doktor Kehormatan (Doctor Honoris Causa/Dr. H.C.) Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia.

RAJA MUDA PERLIS





Tuanku Pro-Canselor

**DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU DR. HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

S.P.M.P., PhD. (Univesiti Malaya)
Doctor of Education (Honoris Causa) in Health Sciences,
Universidad Nacional Pedro Henriquez Ureña, Dominican Republic.

RAJA PUAN MUDA PERLIS



Pro-Canselor

**YANG AMAT MULIA
HAJAH SHARIFAH KHATREENA NURANIAH BINTI
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
Menteri Pendidikan Tinggi



TAN SRI DATO' SRI SUFRI HJ. MHD ZIN

P.S.M., S.S.A.P., D.P.T.J.

Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP



DATO' PROF. TS. DR. ZALIMAN SAULI
D.S.P.J., D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P., P.K.
Naib Canselor UniMAP

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGERUSI
TAN SRI DATO' SRI SUFRI HJ. MHD ZIN
 P.S.M., S.S.A.P., D.P.T.J.
 Pengarah Urusan
 Trans Resources Corporation Sdn. Bhd.



DATO' PROF. TS.
DR. ZALIMAN SAULI
 D.S.P.J., D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P., P.K.
 Naib Canselor
 Universiti Malaysia Perlis



DATUK DR. ANESEI IBRAHIM
 D.M.S.M., J.S.M., A.M.N.
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Pendidikan Tinggi



ENCIK AZHAR ABDUL AZIZ
 Timbalan Setiausaha Bahagian
 Bahagian Perolehan Kerajaan
 Kementerian Kewangan Malaysia



DATO' SHAFUL HAZIZY
ZAINOL ABIDIN
 D.I.M.P., B.C.M.
 Pengerusi Eksekutif
 High Oriental Success Sdn. Bhd.



TN. HJ. MUHAMED ALI HAJAH MYDIN
A.M.P., D.J.N.
Ketua Pegawai Eksekutif
Walta Idealville Automation Sdn. Bhd.



PUAN AZIHANI DATO' ALI
P.J.B., S.M.P.
Mantan Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Perlis



PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL
A.M.P.
Pengarah Kanan
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti
Universiti Malaysia Perlis



AHLI SILIH GANTI
DR. IDA SALINY HASSAN
Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Kementerian Pendidikan Tinggi



AHLI SILIH GANTI
ENCIK KOGILLAVANAN A/L
MUNUSAMY
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia



CIK NORSYAHIZA HAMZAH
P.M.P.
Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



DATO' PROF. TS. DR. ZALIMAN SAULI
D.S.P.J., D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P., P.K.
Naib Canselor



**PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY
ABDUL MAJID**
S.M.P.
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



**PROF. IR. DR. RIZALAFANDE
CHE ISMAIL**
A.M.P.
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



**PROF. DR. MOHD MUSTAFA AL BAKRI
ABDULLAH**
S.M.P.
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



CIK NORSYAHIZA HAMZAH
P.M.P.
Pendaftar



ENCIK RUSDI PUTEH
P.M.P., P.J.K.
Bendahari



PUAN MAZMIN MAT AKHIR
A.M.P.
Ketua Pustakawan



ENCIK ZAINUDIN ZAINON
Penasihat Undang-undang

AHLI SENAT



DATO' PROF. TS. DR. ZALIMAN SAULI
 D.S.P.J., D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P., P.K.
 Naib Canselor



**PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY
 ABDUL MAJID**
 S.M.P.
 Timbalan Naib Canselor
 (Akademik & Antarabangsa)



**PROF. IR. DR. RIZALAFANDE
 CHE ISMAIL**
 A.M.P.
 Timbalan Naib Canselor
 (Penyelidikan & Inovasi)



**PROF. DR. MOHD MUSTAFA
 AL BAKRI ABDULLAH**
 S.M.P.
 Timbalan Naib Canselor
 (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**PROF. IR. TS. DR. SHAHRIMAN ABU
 BAKAR**
 A.M.P.
 Dekan
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



**PROF. MADYA IR.
 DR. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB**
 Dekan
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. MADYA IR. TS. DR.
 RAZAIDI HUSSIN**
 Dekan
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



**PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD
FIRDAUS OMAR**

Dekan
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia



**PROF. TS. DR. AZREMI
ABDULLAH AL HADI**

Dekan
Fakulti Komputeran Cerdas



PROF. IR. TS. DR. HAZRY DESA

A.M.P.
Profesor
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. MADYA TS. DR. CHE ZULZIKRAMI
AZNER ABIDIN**

Dekan
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam



**PROF. MADYA IR. TS. DR.
MUHAMMAD MAHYIDDIN RAMLI**

Pengarah
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik



**PROF. IR. DR. WAN KHAIRUNIZAM
WAN AHMAD**

Profesor
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. MADYA
DR. MOHAMMAD REZAL HAMZAH**

Dekan
Fakulti Perniagaan & Komunikasi



PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL

A.M.P.
Profesor
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



PROF. IR. DR. ANUAR MAT SAFAR

A.M.P.
Profesor
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



PROF. IR. DR. RUSLIZAM DAUD
 Profesor
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



PROF. DR. MUHAMMAD SHAHAR JUSOH
 Profesor
 Fakulti Perniagaan & Komunikasi



PROF. MADYA TS. DR. ROZYANTY RAHMAN
 Pengarah
 Pusat Pengajian Siswazah



PROF. IR. TS. DR. MUHAMMAD SYARHABIL AHMAD
 Profesor
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia



PROF. DR. MUHAMMAD ZAINI AHMAD
 Profesor
 Fakulti Komputeran Cerdas



PROF. MADYA TS. DR. NASRUL HAMIDIN
 A.M.P.
 Pengarah
 Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan



PROF. DR. KHAIRUL NIZAR ISMAIL
 Profesor
 Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam



PROF. MADYA TS. DR. MUHAMMAD JUHAIRI AZIZ SAFAR
 Pengarah
 Pusat Pengurusan Akademik



**PROF. MADYA TS.
DR. AYU WAZIRA AZHARI**
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan



**PROF. MADYA
TS. DR. SITI KHADIJAH ZA'ABA**
Pengarah
Pusat Pembangunan Kepimpinan
Pendidikan Lestari



CIK NORSYAHIZA HAMZAH
P.M.P.
Pendaftar



PUAN MAZMIN MAT AKHIR
A.M.P.
Ketua Pustakawan



ENCIK RUSDI PUTEH
P.M.P., P.J.K.
Bendahari



ENCIK ZAINUDIN ZAINON
Penasihat Undang-undang

SENARAI DEKAN DAN KETUA JABATAN LANTIKAN 2024/2026

BIL.	NAMA	GELARAN DAN JABATAN
1.	Prof. Madya Ir. Dr. Shamshul Bahar Yaakob	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik
2.	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Razaidi Hussin	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik
3.	Prof. Ir. Ts. Dr. Shahriman Abu Bakar	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal
4.	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia
5.	Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam
6.	Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah	Dekan, Fakulti Perniagaan & Komunikasi
7.	Prof. Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Dekan, Fakulti Komputeran Cerdas
8.	Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail	Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti
9.	Prof. Madya Dr. Khairul Rafezi Ahmad	Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan
10.	Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Safar	Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
11.	Prof. Madya Ts. Dr. Rozyanty Rahman	Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
12.	Prof. Madya Ts. Dr. Faizah Abu Bakar	Pengarah, Pusat TVET UniMAP
13.	Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
14.	Prof. Madya Ir. Dr. Umi Fazara Md. Ali	Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa
15.	Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin	Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan
16.	Prof. Madya Ts. Dr. Ayu Wazira Azhari	Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan
17.	Prof. Madya Ts. Dr. Fathinul Syahir Ahmad Sa'ad	Pengarah, Pusat Inovasi & Pengkomersialan
18.	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Mahyiddin Ramli	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
19.	Prof. Madya Dr. Muhammad Imran Ahmad	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari

BIL.	NAMA	GELARAN DAN JABATAN
20.	Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya	Pengarah, Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari
21.	Encik Zulhillizan Othman	Pengarah, Penerbit UniMAP
22.	Prof. Madya Dr. Farrah Aini Dahalan	Pengarah, Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan
23.	Prof. Madya Dr. Mohd Najmuddin Mohd Hassan	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri & Agensi Kerajaan
24.	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohamad Syahmie Mohamad Rasidi	Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Pelajar
25.	Dr. Mahyun Ab Wahab	Pengarah, Pusat Kebudayaan
26.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Fathullah Ghazli@Ghazali	Pengarah, Pusat Kaunseling
27.	Prof. Madya Ts. Dr. Luqman Musa	Pengarah, Pusat Sukan & Rekreasi
28.	Dr. Faizah Othman	Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
29.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohamad Nur Khairul Hafizi Rohani	Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni
30.	Dr. Farah Farhana Zainal	Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar
31.	Prof. Madya Ts. Dr. Nik Noriman Zulkepli	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum
32.	Dr. Nor Faizah Bawadi	Pengarah, Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan
33.	Puan Normiza Othman	Pengarah, Pejabat Audit Dalam
34.	Prof. Madya Dr. Hanum Hassan	Pengarah, Institut Kajian Strategik & Komuniti
35.	Encik Muhammad Adib Hassan	Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan
36.	Puan Rohazna Wahab	Pengarah, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital
37.	Encik Muhamad Azuan Mohamad Nasir	Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat
38.	Encik Mustaffa Ismail	Pengarah, Jabatan Keselamatan

ILMU MENURUT PERSPEKTIF *Islam*

Ilmu berasal daripada perkataan Arab, iaitu علم (ilm) yang bererti tahu, mengetahui dan pengetahuan. Walau bagaimanapun, dari segi istilah pula ialah المعلوم (al-ma'luum) iaitu mengetahui sesuatu yang boleh diketahui. Manusia tanpa ilmu akan mudah berasa rendah diri. Harta kekayaan yang melimpah ruah sekalipun tidak akan bermakna tanpa memiliki ilmu yang cukup untuk mengurusnya.

Kekuatan sesebuah bangsa tidak diukur pada berapa banyak senjata nuklear dan harta yang dimilikinya, tetapi kekuatan sesebuah negara bangsa diukur pada ketinggian ilmu yang dimiliki oleh rakyatnya. Sebagai contoh, Jepun yang dibangunkan semula pesat oleh rakyatnya selepas musnah teruk dalam Perang Dunia Ke-2 sehingga berjaya menjadi sebuah daripada negara Asia yang disegani oleh negara-negara barat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa maju mundur sesebuah tamadun bangsa dilihat pada kekuatan dan ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh rakyatnya.

Islam meletakkan ilmu pada tahap yang paling tinggi nilainya, sebagaimana tertera dalam buku-buku agama:

“Sesiapa yang dikehendaki baik oleh Allah SWT, Maka Allah akan meluaskan pengetahuannya dalam hukum-hukum agama dan akan diilhamkan-Nya petunjuk di dalamnya”

Allah Ta'ala berfirman:

قل هل يستوى الذين يعلمون والذين لا يعلمون

“Katakanlah: “Apakah sama antara orang-orang yang mengetahui, (iaitu orang yang berilmu) dengan orang-orang yang tidak mengetahui (tidak berilmu)?” (az-Zumar, 39:9)

Usaha menuntut ilmu perlulah diseimbangkan antara ilmu dunia dengan ilmu akhirat. Penguasaan ilmu yang baik dan sempurna akan dapat membentuk keperibadian dan jati diri yang unggul. Manusia tanpa ilmu ibarat layang-layang tanpa





“Barang siapa yang menempuh sesuatu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan di situ, maka Allah akan mempermudah baginya sesuatu jalan menuju ke syurga.”

(Riwayat Muslim)

tali, terbang bebas di angkasa tanpa arah dan hala tuju yang jelas. Namun begitu, kebejatan sosial yang kian melanda para remaja dewasa ini dilihat amat berkait rapat dengan kurangnya penghayatan tentang ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dalam kalangan remaja. Kesibukan ibu bapa dan ancaman globalisasi mengakibatkan para remaja hilang arah dan tumpuan dalam usaha menentukan jati diri sendiri. Tanpa rasa takut dan gentar, remaja bebas melakukan perkara-perkara yang amat bertentangan dengan hukum agama dan negara. Di sini, peranan ilmu amat penting untuk mengembalikan jati diri dan maruah bangsa. Penghayatan yang tinggi tentang sesuatu bidang ilmu itu akan dapat menjadikan seseorang itu lebih takut kepada Allah SWT dan sekali gus dapat meningkatkan ketakwaan kepada-Nya.

Allah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang takut akan Allah daripada hambanya ialah orang-orang yang berilmu” (al-Fahtur:28)

Dari Abu Hurairah r.a., katanya Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa yang menempuh sesuatu jalan untuk mencari ilmu

pengetahuan di situ, maka Allah akan mempermudah baginya sesuatu jalan menuju ke syurga.” (Riwayat Muslim)

Penguasaan dan penghayatan yang jelas tentang sesuatu ilmu akan dapat memandu manusia ke jalan yang benar dan sekali gus dapat memimpin manusia daripada melakukan sebarang perbuatan yang dapat memudaratkan dan merosakkan diri, keluarga dan masyarakat. Prof. Dr. Hamka berkata: “Ilmu itu tiang untuk kesempurnaan akal, bertambah luas akal, bertambah luaslah pula hidup, bertambah datanglah bahagia. Bertambah sempit akal, bertambah sempit pula hidup, bertambah datanglah celaka.

Ilmu pengetahuan juga memungkinkan seseorang mendapat keredaan Allah dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Dari Abu Hurairah r.a., katanya:

Rasulullah SAW bersabda: “Apabila anak Adam (manusia) meninggal dunia, maka putuslah amalannya, iaitu tidak dapat menambah pahalanya lagi, melainkan daripada tiga macam perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dapat dimanfaatkan dan anak yang soleh yang suka mendoakan untuknya.” (Riwayat Muslim)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

MISI

Melahirkan Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara

VISI

Universiti Teknikal yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa

NILAI TERAS

ILMU, KEIKHLASAN, KECEMERLANGAN

OBJEKTIF

PELAJAR

Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA / MTUN

Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

KOMUNITI

Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

FAKULTI DAN STAF

Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

PENYELIDIKAN

Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusia.

BUDAYA KAMPUS

Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampunan.

PEMBANGUNAN BANGSA

Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.



LAGU RASMI UniMAP



WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

Berdikari, Rohaniah, Berteknologi
Pemimpin Berbestari
Untuk Bangsa, Insan Dan
Umat Dunia
Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

SEMANGAT UniMAP

Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Bangsa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Bangsa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang

PENERANGAN LAGU WAWASANKU

Lagu WAWASANKU ialah lagu korporat UniMAP yang digubah dengan mengambil kira identiti, wawasan dan budaya yang diamalkan di Universiti ini. Perkataan "KU" adalah singkatan kepada diri sendiri ("milikku") dan juga "Kejuruteraan Universiti", iaitu bidang keutamaan UniMAP.

Mesej yang terkandung dalam lagu ini ialah misi, visi dan harapan UniMAP untuk berperanan dalam membina dan membangunkan bangsa, insan, negara yang tercinta dan umat dunia melalui semangat berdikari, kerohanian dan teknologi. Peranan dan harapan ini digarap melalui pencarian dan pengembangan ilmu yang dilakukan dengan ikhlas demi mencapai kecemerlangan dalam diri dan pemimpin bestari yang dilahirkan. Perkataan "alam" ialah suatu konsep, pengertian dan konteks yang luas, iaitu termasuklah alam cakerawala, fizikal dan kerohanian. Alam boleh bermaksud kepelbagaian skop/ruang lingkup, bidang dan dunia kejuruteraan. Alam juga dikaitkan dengan kepelbagaian konteks dan dimensi ilmu di dunia kejuruteraan.

Perkataan alam juga membawa maksud dunia atau bumi dan alam semula jadi. Perkataan "kejuruteraan" digunakan dan dipertahankan kerana perkataan itu merupakan lambang ruang lingkup dan fokus atau "niche" utama bidang akademik UniMAP.

Penasihat:
Kamarudin Hussin

Penerbit Eksekutif:
Zuraidah Mohd Zain

Ciptaan:
Fauzi Marzuki

Lirik:
Ismail Abdullah

KONSEP REKA BENTUK COKMAR



Konsep 'pohon kehidupan' telah diambil kira sebagai reka bentuk cokmar yang terdiri daripada akar, batang, daun dan bunga.

BUNGA COKMAR

Pada bahagian atas ukiran Bunga Kenanga terdapat mahkota kebesaran DiRaja bagi melambangkan negeri Perlis sebagai sebuah negeri beraja.

Enam kelopak bunga yang mengembang ke atas diperbuat daripada perak melambangkan Rukun Iman. Lapisan kelopak melambangkan jurusan-jurusan yang terdapat di UniMAP dan kepelbagaian graduan yang dihasilkan oleh UniMAP. Pada bahagian bawahnya pula terdapat tiga kelopak yang diukir dengan perak yang bermotifkan Bunga Pulut, Bunga Raya dan Bunga Kertas. Bunga Pulut ialah corak kesenian Melayu yang bercirikan alam yang dikaitkan dengan hasrat Universiti untuk menyinarikan cahaya ilmu di rantau ini. Motif Bunga Pulut ini melambangi hakikat bahawa menuntut ilmu itu tiada penghujungnya.

AKAR COKMAR

Akar sebagaimana yang diketahui merupakan nadi kehidupan pokok yang berfungsi sebagai menyerap makan untuk tumbesaran pokok. Sesuai dengan fungsi akar, bahagian bawah cokmar melambangi hasrat UniMAP untuk terus menyuburkan ilmu dalam kalangan pelajar. Ukiran bunga padi yang mengembang ke atas menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan mestilah disemai dari awal untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berkembang maju mengikut acuan yang dikehendaki.

BUNGA COKMAR



DAUN COKMAR



BATANG COKMAR



AKAR COKMAR



DAUN COKMAR

Terdapat tiga biji permata berwarna asas iaitu merah, hijau dan biru di bahagian bawah cokmar. Permata-permata ini melambangi komponen asas dalam penjaan kehidupan melalui khasiat semula jadi alam sekitar. Daun menggambari juga tenaga fizikal dan spiritual komuniti kampus. Sepotong ayat suci al-Quran yang dipetik daripada surah Al-Mujaadilah terukir pada bahagian ini. Ayat ini membawa maksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu, dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat, dan (ingatlah) Allah maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Di bawah ayat tersebut terdapat ukiran nilai teras UniMAP, iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN.

BATANG COKMAR

Bahagian batang cokmar diperbuat daripada perak bersadur emas. Batang ini turut dihiasi motif Bunga Kenanga dan awan larat yang menggambari bahawa proses menuntut ilmu itu tiada batasan dan penghujungnya. Lima logo UniMAP pada batang menggambari lima Rukun Islam dan lima Rukun Negara yang perlu dipatuhi. Tujuh segmen (lilitan) pula melambangi kebesaran Tuhan.



PEMILIHAN WARNA JUBAH

WARNA JUBAH



Warna biru diambil
dari bideauxite
($\text{Pb}_2\text{AgCl}_3(\text{FOH})_2$)



Warna kuning adalah
warna boltwoodite
($\text{H}_2\text{O})\text{K}(\text{UO}_2)_2\text{SiO}_4$)



Warna perak pula adalah
bagi bounonite
(CuPbSbS_3)



Warna merah
yang mewakili
rhodochrosite (MnCo_3)



Warna hijau diilhamkan
dari beryl ($\text{Be}_3\text{Al}_2\text{Si}_6\text{O}_{18}$)

Warna kebanyakan jubah terdiri daripada gabungan warna rasmi UniMAP iaitu biru, kuning dan perak. Sebagai tambahan, terdapat penggunaan warna merah dan hijau pada jubah-jubah tertentu. Pemilihan warna ini dilakukan atas dasar UniMAP sebagai gapura ilmu yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Kesemua warna yang digunakan adalah warna-warna mineral yang mempunyai maksudnya yang tersendiri. Warna rasmi UniMAP iaitu biru, kuning dan perak, selain mendukung makna tersirat sebagaimana yang diterangkan didalam logo UniMAP, juga mewakili warna yang didapati secara semula jadi pada batu-bata.

MOTIF SULAMAN



Motif Bunga
Raya



Motif Bunga
Kertas



Motif
Bunga Padi



Motif Bunga
Kenanga

Motif sulaman pada jubah komemoratif UniMAP adalah gabungan empat jenis bunga tempatan, iaitu Bunga Padi (bijirin padi), Bunga Kertas, Bunga Raya dan Bunga Kenanga.



Bunga Padi dipilih kerana ia melambangi kemegahan negeri Perlis sebagai salah sebuah negeri jelapang padi.



Bunga Kertas pula merupakan bunga kegemaran DYTMM Tuanku Canselor.



Bunga Raya ialah bunga kebangsaan Malaysia.



Bunga Kenanga yang harum semerbak, diibaratkan sebagai ilmu dan dapatan yang dikembangkan oleh UniMAP dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat sekeliling.

Motif sulaman ini terdapat pada kebanyakan jubah yang dipakai oleh warga UniMAP. Motif yang sama turut digunakan pada perabot dan cokmar. Sebagai tambahan, bentuk kerawang yang diambil dari Istana Arau juga dimasukkan pada beberapa perabot tertentu dan cokmar. Gabungan ini menggambarkan ciri kedinamikan, estetika dan simbolisme budaya masyarakat Malaysia.

KETERANGAN JUBAH

CANSELOR



Warna kuning, iaitu warna DiRaja telah dipilih sebagai warna jubah Canselor. Pada bahagian hadapan jubah ini dihiasi sulaman motif bunga-bunga kuning emas setebal empat inci dan lapan inci pada bahagian kaki dan tangan. Jubah ini turut dilatari dengan logo UniMAP berwarna perak yang berjarak sekata. Renda daun oak berwarna emas dijahit di sekeliling lengan jubah. Lapel jubah dan lining diperbuat daripada baldu kuning serta sutera crepe. Corak sulaman adalah berlatar belakangkan warna hitam. Topi beefeater bagi Canselor diperbuat daripada kain jubah yang sama dan dihiasi dengan tassel emas 1 karat.

PRO-CANSELOR



Jubah Pro-Canselor berwarna kuning, iaitu warna DiRaja. Bahagian hadapan jubah dihiasi sulaman motif bunga-bunga kuning emas setebal empat inci, manakala lapan inci di bahagian kaki. Jubah dilatari dengan logo UniMAP berwarna perak yang berjarak sekata. Renda daun oak berwarna emas dijahit di sekeliling lengan jubah. Lapel jubah dan lining diperbuat daripada baldu kuning serta sutera crepe. Corak sulaman adalah berlatar belakangkan warna hitam. Topi beefeater diperbuat daripada kain jubah yang sama dan dihiasi tassel emas.

PRO-CANSELOR



Jubah Pro-Canselor berwarna biru sapphire. Bahagian hadapan jubah dihiasi sulaman motif bunga-bunga kuning emas setebal empat inci, manakala lapan inci di bahagian kaki. Jubah dilatari dengan logo UniMAP berwarna perak yang berjarak sekata. Renda daun oak berwarna emas dijahit di sekeliling lengan jubah. Lapel jubah dan lining diperbuat daripada baldu kuning serta sutera crepe. Corak sulaman adalah berlatar belakangkan warna hitam. Topi beefeater diperbuat daripada kain jubah yang sama dan dihiasi tassel emas.

MENTERI PENDIDIKAN


Jubah Menteri Pendidikan diperbuat daripada kain sutera berwarna hitam yang mempunyai saiz sulaman empat inci dibahagian hadapan, manakala tujuh inci dibahagian kaki dan tangan. Jubah ini turut dilatari dengan logo UniMAP dan dihiasi dengan lapel dan sulaman motif berwarna hijau yang berlatar belakangkan warna hitam. Kain pada jubah yang sama turut digunakan untuk membuat topi befeater dengan tassel berwarna hijau.

PENGERUSI LPU


Jubah pengerusi LPU berwarna biru dan mempunyai motif sulaman berwarna merah dengan berlatar belakangkan warna hitam. Motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan tujuh inci di bahagian lengan. Warna merah turut digunakan sebagai lapel jubah.

AHLI LPU


Jubah ahli LPU berwarna biru dan mempunyai motif sulaman berwarna merah dengan berlatar belakangkan warna perak. Motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan tujuh inci dibahagian lengan. Warna merah turut digunakan pada lapel jubah.

NAIB CANSELOR



Jubah Naib Canselor berwarna biru dan diperbuat daripada kain sutera dan mempunyai lapel berwarna perak. Jubah ini turut ditaburi dengan logo UniMAP. Motif sulaman berwarna kuning dan berlatar belakangkan warna hitam dapat dilihat pada sulaman jubah. Saiz sulaman ialah empat inci di bahagian hadapan dan tujuh inci di bahagian kaki dan lengan. Topinya pula diperbuat daripada kain jubah yang sama dengan tassel berwarna perak.

TIMBALAN NAIB CANSELOR



Warna biru merupakan warna bagi jubah Timbalan Naib Canselor UniMAP. Jubah ini mempunyai motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian atas dan tujuh inci di bahagian lengan. Motif sulaman berwarna kuning dan berlatar belakangkan warna hitam, manakala lapel jubah berwarna perak.

PEGAWAI TERTINGGI UNIVERSITI



Jubah Exco Naib Canselor berwarna biru dan mempunyai lapel jubah berwarna kuning. Corak sulaman berwarna perak dengan berlatar belakangkan hitam. Sulaman bersaiz 3.5 inci di bahagian hadapan dan juga tangan.

DEKAN


Jubah Dekan berwarna biru dengan motif sulaman berwarna perak setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan juga di bahagian tangan. Sulaman berlatar belakang warna hitam dan lapel berwarna perak.

SENAT


Jubah Senat berwarna biru dengan motif sulaman berwarna perak setebal 3.5 inci di bahagian hadapan. Sulaman berlatar belakang warna hitam dan lapel berwarna perak.

AKADEMIK


Jubah akademik berwarna biru dengan sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan. Sulaman berwarna perak dan berlatar belakang warna biru. Lapel jubah berwarna perak.

IJAZAH KEHORMAT



Jubah Penerima Ijazah Kehormat berwarna hitam, mempunyai motif dan lapel jubah berwarna hijau. Latar belakang sulaman berwarna hitam dan mempunyai saiz 3.5 inci di bahagian hadapan jubah.

GRADUAN DOKTOR FALSAFAH



Jubah graduan Doktor Falsafah berwarna biru, mempunyai motif dan lapel jubah berwarna perak. Hood atau selempang diperbuat daripada kain satin dan berwarna perak. Topi befeater bagi graduan Doktor Falsafah diperbuat daripada kain baldi lembut yang berwarna hitam, berbentuk bulat dan dihiasi dengan tassel berwarna perak.

GRADUAN SARJANA

Jubah graduan Sarjana berwarna biru dan mempunyai sulaman motif berwarna perak di bahagian hadapan. Motif pada jubah ini hanya terdapat di bahagian atas sahaja dan dihiasi dengan lapel berwarna perak. Warna hood atau selempang bergantung pada Fakulti masing-masing. Topi mortar-board bagi graduan Sarjana adalah sama dengan topi graduan Sarjana Muda yang berbentuk segi empat.

Warna selempang program Kejuruteraan bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah oren kekuningan (blazing orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (chinese red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - turquoise, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (harvest gold), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) - merah hati (maroon), Fakulti Perniagaan & Komunikasi - merah jambu gelap (crayola fuchsia), Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) - putih (white) dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) - pink magenta.

Topi mortar-board bagi graduan Sarjana Muda diperbuat daripada fabric melton wool dan berwarna biru gelap. Topi ini bergaris pusat tujuh sentimeter dan dihiasi tassel.



**Fakulti
Kejuruteraan &
Teknologi
Elektronik**



**Fakulti
Kejuruteraan &
Teknologi Elektrik**



**Fakulti
Kejuruteraan &
Teknologi Awam**



**Fakulti
Kejuruteraan &
Teknologi Kimia**



**Fakulti
Kejuruteraan &
Teknologi
Mekanikal**



**Fakulti
Perniagaan &
Komunikasi**



**Institut
Kejuruteraan Nano
Elektronik**



**Institut
Matematik
Kejuruteraan**

PROGRAM KEJURUTERAAN DAN PROGRAM KOMUNIKASI



GRADUAN SARJANA MUDA



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam



Fakulti Perniagaan & Komunikasi



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia

GRADUAN SARJANA MUDA

Jubah graduan Sarjana Muda mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah graduan sarjana. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Sarjana Muda mempunyai sulaman motif pada bahagian atas sahaja dan tidak mempunyai lapel. Jubah graduan Sarjana Muda ini disertakan sekali dengan hood atau selempang yang diperbuat daripada kain satin dan warna bagi setiap selempang adalah berbeza mengikut fakulti masing-masing.

Warna selempang bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah oren kekuningan (blazing orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (chinese red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - turquoise, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (harvest gold), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) - merah hati (maroon) dan Fakulti Perniagaan & Komunikasi - merah jambu gelap (crayola fuchsia).

GRADUAN SARJANA MUDA

Jubah graduan Sarjana Muda mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah Graduan Sarjana. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Sarjana Muda mempunyai sulaman motif pada bahagian atas sahaja dan tidak mempunyai lapel. Jubah graduan Sarjana Muda ini disertakan sekali dengan hood atau selempang yang diperbuat daripada kain satin berwarna hijau pucuk pisang dan warna bagi setiap garisan tepi selempang adalah berbeza mengikut fakulti masing-masing.

Warna garisan tepi selempang program Teknologi Kejuruteraan dan Teknologi bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah Oren (Orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - merah jambu (pink), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (gold) dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FTKA) - kelabu (grey).

Topi mortar-board bagi graduan Sarjana Muda diperbuat daripada fabrik melton wool dan berwarna biru gelap. Topi ini bergaris pusat tujuh sentimeter dan dihiasi tassels.

PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam



Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia



**Program Kejuruteraan
Elektronik**



**Program Kejuruteraan
Pembuatan**



**Program Kejuruteraan
Metalurgi**



**Program Kejuruteraan
Mekatronik**



**Program Kejuruteraan
Komputer**



**Program Kejuruteraan
Elektrik**

GRADUAN DIPLOMA

Jubah graduan Diploma mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah graduan Sarjana Muda. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Diploma mempunyai sulaman motif berwarna perak di bahagian atas sahaja. Jubah ini mempunyai offray ribbon di tepi dan lapel di bahagian hadapannya mengikut program pengajian.

Warna offray ribbon bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) untuk program Kejuruteraan Mekatronik ialah biru laut (cyan blue) dan program Kejuruteraan Elektrik ialah hijau epal (apple green). Walau bagaimanapun, bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) adalah oren kekuningan (blazing orange) untuk program Kejuruteraan Elektronik dan merah (chinese red) untuk program Kejuruteraan Komputer. Bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) pula, warna emas (harvest gold) adalah untuk program Kejuruteraan Metalurgi dan bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) adalah warna ungu muda (royal purple) untuk program Kejuruteraan Pembuatan.

GRADUAN PROGRAM PROFESIONAL

Jubah graduan program Profesional mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah graduan program perdana. Perbezaan pada jubah program profesional adalah warna jubah berwarna biru gelap dan dibezakan oleh lining riben.

Jubah graduan Master Profesional mempunyai sulaman kerawang berwarna perak dan lining riben berwarna emas di bahagian hadapan sehingga ke bawah, manakala jubah graduan Bachelo Profesional mempunyai sulaman kerawang berwarna perak dan lining riben berwarna emas di sekeliling kerawang. Jubah graduan Diploma Profesional pula mempunyai sulaman kerawang berwarna perak sahaja tanpa lining.



Jubah Master Profesional



Jubah Bachelo Profesional



Jubah Diploma Profesional

UniMAP SEPINTAS LALU

Di bumi Perlis yang damai, berdiri sebuah universiti yang menjadi lambang keutuhan ilmu dan semangat bangsa — Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Bermula dengan langkah pertama di Kubang Gajah pada tahun 2002 hingga menjelma menjadi institusi berwibawa masa kini, perjalanan UniMAP adalah kisah tentang cita-cita, ketekunan dan kejayaan.

Lima tahun pertama menyaksikan perubahan identiti daripada KUKUM kepada UniMAP, satu jenama yang membawa makna kejuruteraan, inovasi dan masa depan. Dari 119 pelajar yang memulakan sejarah, kini lebih 14,063 (*data sehingga 1 Oktober 2025*) pelajar menimba ilmu di Kampus Alam Pauh Putra, Kampus Kangar dan Kampus UniCITI Alam Sungai Chuchuh, Padang Besar termasuk pelajar sepenuh masa, separuh masa, mobiliti dan pesisir Cyberjaya, serta Flexi dibimbing oleh 1,115 tenaga akademik dan profesional yang penuh dedikasi.

Sebagai salah satu universiti dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), UniMAP berperanan penting dalam membentuk tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri negara. Pendekatan berasaskan TVET menjadikan setiap graduan UniMAP bukan sekadar tahu tetapi mampu melaksana, berfikir dan mencipta.

Dalam dunia yang digerakkan oleh teknologi, UniMAP terus mara sebagai peneraju pendidikan tinggi dalam bidang semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), reka bentuk IC dan teknologi kenderaan elektrik (EV).



Komitmen ini dizahirkan melalui kerjasama strategik industri, Pusat TVET UniMAP, serta pelbagai inisiatif penyelidikan dan inovasi baharu.

Hari ini, dengan kebolehpasaran graduan mencecah 98.8 peratus pada 2024, UniMAP bukan sahaja menghasilkan graduan, tetapi berusaha menjadikan graduan siap untuk pasaran kerja. Berlandaskan semangat *Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan*, UniMAP terus melangkah ke hadapan, membentuk generasi jurutera dan teknologis masa depan yang akan menyalakan cahaya Malaysia di pentas dunia.



YANG AMAT MULIA HAJAH SHARIFAH KHATREENA NURANIAH BINTI TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL PRO-CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



YANG AMAT MULIA HAJAH SHARIFAH KHATREENA NURANIAH BINTI TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL diputerakan pada 10 Februari 1995 bersamaan 9 Ramadan 1415 Hijrah, di Hospital Pantai Kuala Lumpur.

Yang Amat Mulia merupakan anakanda puteri sulung Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP.

Seawal usia, Yang Amat Mulia telah diasuh dalam suasana kekeluargaan yang berteraskan kasih sayang, ilmu pengetahuan serta nilai kemuliaan budi. Didikan yang teratur dan penuh kebijaksanaan daripada ayahanda serta bonda telah membentuk peribadi yang tinggi pekerti, berhemah dan luas pandangan.

Tatkala ayahandanya berkhidmat sebagai Pengurus Kawasan bagi syarikat Malaysia Airlines di rantau Switzerland, Austria dan Eropah Tengah, Yang Amat Mulia beroleh peluang menimba ilmu di Inter-Community School of Zurich, Zumikon, Switzerland. Pengalaman menimba ilmu dan kehidupan di perantauan serta peluang melawat banyak negara luar menjadikannya seorang yang berpandangan jauh, berjiwa global tetapi tetap berpegang teguh kepada adat dan nilai ketimuran.

Menginjak usia remaja, Yang Amat Mulia memulakan persekolahan rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera, Kangar dan kemudian ke Uplands International School di Pulau Pinang sebelum menyambung pengajian ke peringkat asasi di Trinity College Melbourne. Setelah itu, Yang



Amat Mulia meneruskan pendidikannya dengan melanjutkan pengajian tinggi di University of Melbourne, Australia dan telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan pengkhususan dalam bidang Politik Antarabangsa dan Antropologi.

'*Mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi*', semasa di perantaraan, bakat kepimpinannya terserlah apabila Yang Amat Mulia yang aktif dalam kegiatan kepimpinan dan kebudayaan dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Kebudayaan Kelab UMNO Australia Melbourne (KUAM). Di samping itu, Yang Amat Mulia merupakan penggerak utama program MUZIKA MELBOURNE, sebuah wadah seni dan budaya yang mengangkat martabat anak watan di pentas antarabangsa.

Usai menamatkan pengajian, Yang Amat Mulia menzahirkan minat mendalam terhadap dunia fesyen dan bidang keusahawanan. Hasil minat mendalam, Yang Amat Mulia telah menubuhkan jenama fesyen KHATREENA, yang menampilkan rekaan busana wanita bertemakan keanggunan dalam kesederhanaan, serta keindahan dalam nilai-nilai Islamik dan budaya Melayu.

Rekaan busana KHATREENA sering mendapat perhatian dan menghiasi pentas Kuala Lumpur Fashion Week (KLFW)

saban tahun dan seterusnya membuka ruang kolaborasi istimewa bersama Moccona Coffee pada tahun 2022, yang mempertemukan kehalusan seni rekaan dengan falsafah kehidupan moden yang harmoni dan seimbang sekali gus mengangkat simbolisme antara cita rasa dan personaliti wanita moden.

Selain cemerlang dalam bidang keusahawanan dan rekaan, Yang Amat Mulia turut menzahirkan keprihatinan dan komitmen mendalam terhadap pembangunan sosial dan kebajikan masyarakat khususnya golongan asnaf dan masyarakat berkeperluan.

Dalam setiap usaha yang dilaksanakannya, Puteri Berjiwa Rakyat ini sentiasa mengambil aspirasi KHATREENA yang menggabungkan elemen keindahan fesyen, nilai kemanusiaan dan pembangunan minda dalam satu visi yang harmoni.

Maka, Yang Amat Mulia yang berpegang pada falsafah bahawa setiap benih ilmu yang ditanam mampu menumbuhkan perubahan yang bermakna telah mewujudkan satu program diberi nama *Seeds of Knowledge* di bawah jenama KHATREENA.



Melalui *Seeds of Knowledge*, KHATREENA yang berfokus kepada pembangunan komuniti, ia ingin menggalakkan setiap individu untuk menjadi ejen kebaikan melalui penyebaran ilmu, memupuk empati dan memperkukuh hubungan dalam komuniti.

Seiring slogannya, iaitu *"Menanam ilmu, menyubur jiwa dan menuai kebaikan,"* tidak hairanlah pelbagai aktiviti seperti sesi bual bicara, bengkel interaktif, pameran, serta kolaborasi dengan tokoh inspirasi dan organisasi dari pelbagai bidang dianjurkan dengan matlamat untuk membentuk dan meningkatkan nilai, budaya, keusahawanan, kemanusiaan, dan gaya hidup yang berteraskan keseimbangan hati dan juga akal. Bagi Yang Amat Mulia, *Seeds of Knowledge*, KHATREENA ialah sebuah perjalanan yang menyatukan hati, akal dan tindakan dalam usaha membina dunia yang lebih berilmu dan berperikemanusiaan.

Selain itu, Yang Amat Mulia turut berperanan sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Pengukuhan Zakat Inisiatif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), serta sebelum itu menganggotai Lembaga Pengarah Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM).

Melalui wadah itu, Yang Amat Mulia terus aktif merancang dan mendukung usaha bagi memperkasakan golongan asnaf di negeri Perlis melalui pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan agar mereka ini dapat berdiri teguh, berdaya saing dan berdikari membina kehidupan yang lebih sejahtera dan bermaruah.

Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Mulia adalah melalui Projek DiRaja Program Transformasi Kampung Seberang Ramai Kuala Perlis yang dititah saran oleh Ayahanda Yang Amat Mulia selaku Tuanku Yang DiPertua MAIPs, serta mendapat perkenan Paduka Nenda DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail melalui Kapsul Masa MAIPs 2025 ketika Istiadat Sambutan 1 Kurun MAIPs pada 17 Julai 2020 di Istana Arau.

Yang Amat Mulia memulakan langkah dengan melaksanakan kerjasama dengan beberapa pihak korporat bagi menggerakkan program yang memberi fokus kepada pembentukan model pembangunan bersepadu yang memberi impak kepada penempatan golongan asnaf.

Projek ini telah berjaya dan menjadi sebahagian daripada mercu tanda MAIPs dalam meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat khususnya dalam bidang pelancongan. Sehingga kini, Kampung Seberang Ramai Kuala Perlis yang lebih

dikenali sebagai Kampung Warna Warni telah menerima purata kunjungan bulanan seramai 5000 orang.

Atas khidmat bakti, iltizam yang tinggi serta minat mendalam dalam memperkasakan pembangunan manusia sejagat, terkini, Yang Amat Mulia telah dilantik sebagai Penaung DiRaja, Yayasan Pembangunan Kemanusiaan (Humanitarian Development Foundation - HDF) berkuatkuasa 15 Oktober 2025 lalu.

Di bawah naungan Yang Amat Mulia, Yayasan Pembangunan Kemanusiaan akan memberi fokus kepada Enam (6) Teras Utama, iaitu Pendidikan, Ekonomi, Kesihatan, Kebajikan, Kepimpinan dan Negara Bangsa yang diyakini akan meningkatkan pembangunan sosial masyarakat dan seterusnya menyelesaikan isu hak asasi manusia.

Keperibadian Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah mencerminkan citra wanita muda yang berilmu, berwawasan, kreatif dan berjiwa rakyat, serta berkeinginan menjadikan ilmu dan inovasi sebagai jambatan untuk memajukan masyarakat.

Oleh itu, dengan limpahan kebijaksanaan, kecemerlangan akademik, kelembutan budi, serta iltizam memperjuangkan kesejahteraan masyarakat, pelantikan Yang Amat Mulia Hajah Sharifah Khatreena Nuraniah binti Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebagai Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis sesungguhnya amat bertepatan dengan aspirasi universiti untuk melahirkan siswazah yang bukan sahaja tinggi ilmu, tetapi juga berakhlak mulia, berjiwa ihsan dan berbakti demi agama, bangsa dan negara.





PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT

Anugerah Ijazah Kehormat merupakan penghormatan tertinggi yang diberikan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dan tinggi nilainya kepada pembangunan dan perkembangan ilmu, masyarakat dan Negara. Ijazah ini terdiri daripada Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Ijazah ini dianugerahkan kepada individu terpilih yang mempunyai latar belakang, pengalaman dan sumbangan yang bersesuaian dan telah memberikan:

- Sumbangan yang cemerlang kepada masyarakat dan Negara.
- Sumbangan dalam usaha memajukan sektor perindustrian dalam Negara.
- Sumbangan dalam proses memantapkan dan menyumbangkan ilmu.
- Sumbangan dalam usaha merangkakan dan membangunkan Universiti Malaysia Perlis.

Pencalonan penerima Ijazah Kehormat dilakukan oleh Jawatankuasa Ijazah Kehormat. Semua calon yang bersesuaian dan layak dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat sebelum diperakukan kepada Senat dan Lembaga Universiti untuk mendapatkan kelulusan.

Penerima Ijazah Kehormat boleh menggunakan nama ijazah tersebut sebagai gelaran dalam bahasa Inggeris mengikut singkatan yang dinyatakan. Pemakaian gelaran kehormat ini memberikan segala hak dan keistimewaan kepada calon yang terpilih sebagai seorang daripada anggota keluarga Universiti Malaysia Perlis.



YANG BERBAHAGIA DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED


**IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENGURUSAN
[HON.D.MGT.]**

Permata, walau di mana diletakkan, tetap memantulkan nilai. Ada permata yang bukan sahaja mengekalkan sinarnya, bahkan kian memancar cahaya seiring perjalanan masa. Begitulah perumpamaan yang layak disematkan kepada seorang tokoh negara yang bernama **DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**, anak jati Bachok yang dibesarkan dalam serba kekurangan di pesisir pantai Kelantan, namun jejak baktinya menembusi sempadan negeri, wilayah dan benua.

Dari tanah kelahiran di timur Semenanjung, beliau melangkah jauh menawan dunia ilmu, pentadbiran dan ekonomi sehingga meninggalkan kesan pada peringkat nasional dan antarabangsa. Nama beliau bukan sahaja terpahat dalam sejarah pembangunan ekonomi negara, malah turut terakam dalam perjalanan strategik pendidikan tinggi dan tadbir urus institusi. Sumbangan dan wibawa beliau, yang lahir dari keluarga petani di Bachok, kini menjadi rujukan di pentas global.

Yang Berbahagia Dato' Sri Mustapa bin Mohamed membesar di sebuah perkampungan berhampiran laut, wilayah yang sudah sekian lama bernafas dengan degup kehidupan para petani dan nelayan. Bachok terletak kira-kira 35 kilometer, atau kurang lebih 40 minit perjalanan dari Kota Bharu melalui laluan Kubang Kerian. Kediaman keluarganya pula berjarak sekitar satu kilometer dari pantai, di daerah yang bertentangan terus dengan Laut China Selatan, sebuah ufuk terbuka yang seolah-olah meminjamkan luasnya kepada wawasan seorang anak kampung yang kelak merentas sempadan negeri dan negara.

Dilahirkan pada 25 September 1950 dan merupakan anak sulung daripada lima adik-beradik. Perjalanan hidup Dato' Sri Mustapa bin Mohamed menunjukkan bahawa kilau sebuah permata tidak pernah bergantung pada tempat asalnya, tetapi pada cara permata itu digilap oleh pengalaman dan amanah yang dipikul. Dalam meniti takdir hidup, beliau menamatkan zaman bujang pada usia 26 tahun. Jodoh pertemuan aturan Allah, siapa sangka bakal suri hatinya juga berkhidmat di bawah kementerian yang sama, iaitu ketika beliau berkhidmat sebagai pegawai kewangan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Pertemuan sebagai rakan sekerja menjadi rakan sehidup sejiwa. Daripada ikatan itu, beliau dikurniakan empat orang cahaya mata, dua putera dan dua puteri yang menjadi penyambung zuriat dan penerus legasi. Anak sulung, seorang puteri, kini meniti usia 48 tahun, manakala yang bongsu, seorang putera, sudah menjengah





Pendidikan awal beliau bermula di kampung halaman, walaupun tidak berpeluang menikmati laluan elit seperti sekolah asrama penuh, namun tekun dan wataknya menjadikan setiap ruang ilmu sebagai medan penggilap potensi.

usia 38 tahun. Seperti permata yang terus memantulkan cahaya, kehidupan keluarga ini menjadi sebahagian daripada kisah panjang seorang tokoh yang sinarnya tidak lagi terhenti di tanah kelahiran, tetapi menyeberangi ufuk dan zaman.

Pendidikan awal beliau bermula di kampung halaman, walaupun tidak berpeluang menikmati laluan elit seperti sekolah asrama penuh, namun tekun dan wataknya menjadikan setiap ruang ilmu sebagai medan penggilap potensi. Beliau bersekolah di Government English School (GES), Bachok sehingga tingkatan tiga, kemudian meneruskan pengajian peringkat menengah atas di sekolah ternama Sultan Ibrahim School, Pasir Mas, seterusnya melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di Sultan Ismail College (SIC) di Kota Bharu. Beliau sering muncul sebagai pelajar cemerlang, memperoleh hadiah kecemerlangan saban tahun, dan menamatkan pengajian prauniversiti dengan pencapaian terbaik dalam Higher School Certificate (HSC), bahkan muncul sebagai "school topper".

Di luar bilik darjah, kehidupan sekolahnya seimbang antara riadah dan ilmu. Setiap petang beliau turun ke padang bermain bola, mandi sungai, mengayuh basikal bersama rakan-rakan termasuk sahabat Cina yang sebaya. Suatu gambaran harmoni sosial yang mematangkan pengalaman hidupnya sejak awal. Beliau aktif dalam sukan seperti sepak takraw dan pelbagai kegiatan kokurikulum, menyertai persatuan, memegang jawatan pengawas, malah pernah mengetuai beberapa pertubuhan pelajar. Sejak usia remaja lagi, disiplin diri telah menjadi teras pembentukan peribadi beliau. Beliau menyusun jadual belajar

sendiri, menahan diri daripada kelalaian, dan tekun menghafal isi buku pada zaman yang sumber rujukannya amat terhad. Seimbang antara akademik, sukan, dan kepimpinan, beliau membuktikan bahawa permata yang diasah disiplin akan menemukan cahayanya sebelum tiba di gelanggang besar kehidupan.

Jalan untuk menjejakkan kaki ke menara gading pada zaman itu jauh lebih terhad berbanding hari ini. Untuk ke universiti, hanya terdapat satu laluan iaitu menerusi tingkatan enam di Sultan Ismail College (SIC). Ketika itu belum wujud matrikulasi, pembelajaran asasi (*foundation*) ataupun laluan alternatif lain. Jika tidak melalui SIC, pilihan yang tinggal hanyalah melalui pendidikan swasta. Maka, SIC menjadi pusat tumpuan pelajar dari sepuluh daerah seluruh Kelantan, dengan jumlah kelas yang kecil. SIC hanya terdapat tiga kelas, dua aliran sains dan satu aliran sastera. Namun dari jalur kecil inilah lahirnya hakim negara, peguam negara, panglima angkatan tentera serta tokoh-tokoh besar pentadbiran negara. Dato' Sri Mustapa mula menginap di asrama ketika di tingkatan enam. Beliau berkongsi sebuah bilik bersama empat orang rakan, dengan bayaran sewaan RM7 sebulan iaitu bersamaan RM1.40 seorang. Suatu angka kecil pada kertas, tetapi besar maknanya bagi anak kampung yang sedang mengangkat kehidupan melalui ilmu. Kehidupan di asrama pada era itu serba kekurangan, kemudahan terbatas, ruang belajar minimum, dan pilihan makanan sekadar yang termampu. Namun pada ruang yang tampak sempit itulah tertanam disiplin, tertib diri dan iltizam menuntut ilmu.

Selesai menamatkan tingkatan enam dengan cemerlang, beliau terbang ke Australia untuk melanjutkan pengajian tinggi di University of Melbourne, Australia melalui tajaan biasiswa Colombo Plan. Ketika itu, pelajar miskin yang cemerlang menerima bantuan sekitar RM20, jumlah yang pada waktu tersebut sangat signifikan untuk menyara keperluan asas. Beliau memperoleh Biasiswa Kecil Persekutuan (Federal Minor Scholarship) hasil rentetan tapisan temu duga yang dinilai bukan sahaja dari aspek prestasi akademik, tetapi watak, disiplin dan kebolehan pimpinan. Tahun 1970 menjadi saksi buat pertama kali beliau menaiki kapal terbang, meninggalkan bumi Bachok menuju dunia baharu. Ketika itu tiada bimbingan kerjaya, tiada kaunselor, dan tiada panduan laluan akademik seperti hari ini. Hala tuju dipilih dengan pertimbangan guru, dorongan sahabat, dan kejelasan minat yang terarah kepada bidang ekonomi. Lalu di situlah bermulanya perjalanan seorang anak pesisir yang merantau dengan ilmu sebagai bekal, dan pulanginya kelak bukan sebagai seorang pengikut arus tetapi sebagai pembentuk arus negara.



University of Melbourne, antara universiti terkemuka dunia, menjadi destinasi pengajian beliau. Pada ketika itu pemilihan universiti di luar negara ditentukan oleh pengurusan berdasarkan tiga kelompok prestasi iaitu cemerlang, sederhana dan rendah. Hanya yang berada dalam kelompok tertinggi dihantar ke University of Melbourne, manakala yang lain ditempatkan di universiti di United Kingdom atau New Zealand. Pelajar dipilih berdasarkan pencapaian merit. Menjejakkan kaki di bumi asing membuka lembar baharu yang tidak sekadar menuntut kecerdasan akal, tetapi ketahanan jiwa. Proses adaptasi budaya dari kehidupan kampung ke bandar, dari budaya Nusantara ke budaya Barat, dan dari persekitaran Islam ke ruang minoriti agama menjadi satu ujian yang tidak mudah. Beliau mengakui hari-hari awalnya di Australia sangat mencabar, lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan budaya "ragging" dalam kalangan pelajar senior. Pada hari pertama tiba, beliau dipaksa duduk di kawasan perkuburan terbesar, diberi selimut dan ditinggalkan dalam gelap, ketakutan itu cukup untuk menumbuhkan niat mahu pulang ke tanah air. Detik itulah antara pengalaman pahit yang kekal dalam ingatan. Kekangan bahan halal dan adaptasi selera memaksa beliau untuk terus bertahan. Namun dalam segala getir itu, beliau bertahan kerana setiap lapis kesukaran itu kelak menjadi batu bata yang membangun kekentalan seorang pemimpin negara.

Usai menamatkan pengajian ijazah sarjana muda di Australia, beliau meneruskan langkah ke Amerika Syarikat untuk mendalami bidang ekonomi di University of Boston, USA pada peringkat sarjana. Sekembalinya ke tanah air, beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan pada masa yang sama ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran kedoktoran (PhD). Namun setelah menilai suasana ketika itu, lebih-lebih lagi apabila melihat ramai rakan seperjuangan tidak menamatkan pengajian dan bimbang akan kelewatan

menyiapkan tesis, beliau membuat keputusan untuk tidak menyambung pengajian tersebut, malah memilih untuk kembali berkhidmat dengan segera. Keputusan itu dibuat dalam konteks zamannya, berdasarkan pertimbangan realiti dan tanggungjawab kerja. Namun dari sudut hari ini, pengalaman itu menjadi peringatan bahawa kecenderungan semasa dunia akademik kini menuntut ijazah kedoktoran sebagai kelayakan asas bagi banyak jawatan strategik. Ini menunjukkan perkembangan skop keilmuan dan tahap rujukan terhadap kelulusan akademik turut berubah seiring masa.

Dato' Sri Mustapa memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1982-1984 sebelum kembali ke Kementerian Kewangan di bawah kepimpinan Tun Daim Zainuddin. Di sinilah terbuka lembaran awal penyertaannya dalam gelanggang pentadbiran dan politik negara. Beliau diberikan tanggungjawab mengurus hal ekonomi dan kewangan, suatu bidang yang tidak asing dan kemudian menjadi nadi keunggulan kerjayannya. Walau berkhidmat sepenuh masa di peringkat Persekutuan, beliau turut memikul amanah politik di Parlimen Merbok. Setiap minggu tanpa alpa beliau pulang ke kawasan tersebut pada setiap hari Sabtu selama tujuh tahun berturut-turut (1984-1991) untuk memastikan kesinambungan khidmat rakyat di Parlimen berkenaan.

Tugasan beliau di Kementerian Kewangan pula bukan pada tugas biasa. Beliau terlibat dalam penyediaan laporan ekonomi negara, komponen perbelanjaan dan beberapa bab inti pati dalam dokumen belanjawan negara. Beliau secara langsung terlibat dalam penyediaan laporan ekonomi atau dahulunya dikenali sebagai Laporan Ekonomi Perbendaharaan.

Sepanjang kerjayanya, beliau telah dilantik sebanyak empat kali ke jawatan dalam kerajaan. Bermula sebagai pegawai PTD, kemudian dilantik sebagai setiausaha politik kepada Menteri kewangan, Tun Daim Zainuddin. Seterusnya dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 1994. Beliau juga memegang jawatan Menteri Pembangunan Usahawan pada tahun 1995 -1999. Pada tahun 1998-1999, ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menyandang jawatan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama, Dato' Sri Mustapa dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua pada tanggal 7 September 1998. Suatu pelantikan pada saat negara berdepan krisis kewangan rantau Asia.

Ketika menerajui portfolio di Kementerian Pengajian Tinggi, corak pentadbiran dasar beliau meninggalkan kesan yang dapat dibuktikan secara praktikal, khususnya terhadap hala

tuju institusi seperti UniMAP. Antara intervensi struktur paling berpengaruh pada era tersebut ialah keputusan dalam menaik taraf beberapa kolej universiti teknikal dan Islam kepada status universiti penuh melalui penjenamaan semula yang diangkat dan diperakukan di peringkat kabinet kementerian. Dengan kelulusan kabinet, beberapa entiti, antaranya institusi yang dahulunya dinamakan KUKUM (kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis- UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein

Onn (KUiTTHO) kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dinaik taraf menjadi universiti penuh. Penaikan taraf ini tidak pernah dimaksudkan secara kosmetik, tetapi meliputi penambahbaikan struktur yang menyentuh legitimasi ijazah, integriti institusi, keyakinan warga akademik, serta keupayaan menarik dana penyelidikan dan jaringan kerjasama strategik peringkat antarabangsa. Dalam erti kata lain, keputusan dasar yang dikemudi pada fasa kepimpinan beliau telah menyusun semula skop pendidikan tinggi negara di mata dunia melalui kesahan institusi dan saluran mobiliti sosial graduan yang dipelopori oleh beliau.



Tugasannya di Kementerian Kewangan pula bukan pada tugas biasa. Beliau terlibat dalam penyediaan laporan ekonomi negara, komponen perbelanjaan dan beberapa bab inti pati dalam dokumen belanjawan negara.

Antara jejak dasar yang meneguhkan reputasi kepimpinan beliau dalam sektor pengajian tinggi ialah keberanian normatif untuk memecah tradisi pelantikan. Beliau merupakan menteri pertama yang membuka laluan kepada wanita untuk memegang jawatan Naib Canselor Universiti. Ia merupakan suatu anjakan paradigma apabila Universiti Malaya dipimpin oleh seorang tokoh wanita Tan Sri Rafiah Salim diikuti dengan pelantikan Profesor Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau telah mengambil langkah yang selaras dengan orientasi Dasar Pendidikan Tinggi 2007 yang menekankan meritokrasi, keterangkuman dan reformasi tadbir urus universiti.

Erti kepimpinan Dato' Sri Mustapa bukan sahaja tersurat pada dasar, tetapi turut direalisasikan dalam pengalaman lapangan yang mendalam dan sampai ke akar umbi. Kepimpinan beliau lebih reflektif khususnya di UniMAP, hubungan beliau dengan warga akademik berlangsung dalam bentuk keterlibatan langsung, misalnya pertemuan bersama pensyarah, menyemak semula reka bentuk program, dan mengukuhkan budaya kerja di bawah kepimpinan Dato' Kamaruddin Hussin. Malah hubungan sosial beliau melangkaui pagar institusi, iaitu melalui inisiatif anak angkat UniMAP di Kampung Jeli Seberang, beliau mengambil anak-anak kampung sebagai mentee. Saban tahun dua hingga tiga kali akan turun ke lapangan untuk membina keyakinan sosial anak muda. Tidak hairanlah, pelajar daripada program itu kemudiannya berjaya menembusi kerjaya teknikal, termasuk dalam TNB (bidang elektrik), memperlihatkan bahawa intervensi sosial mikro mampu berkembang menjadi mobiliti struktural.

Dalam retrospeksi pencapaian, tumpuannya tidak hanya berfokus pada ketinggian jawatan semata-mata, sebaliknya pada budaya kerja yang dibentuk sepanjang perkhidmatannya yang

meliputi etika tugas, disiplin yang tinggi, penghasilan kerja yang berkualiti, serta sikap hanya membuat keputusan setelah perbincangan mendalam bersama semua pihak yang terlibat. Di samping itu, beliau memberi tumpuan kepada pembangunan pelajar-pelajar IPT termasuk melalui penganjuran usrah bulanan untuk membimbing mereka memahami dunia universiti dan transisi ke alam pekerjaan. Tindakan ini membuktikan bahawa agenda pembinaan modal insan ditangani bukan hanya dengan teks dasar, tetapi juga dengan amalan mendidik yang berulang, sengaja, dan berakar.

Impian beliau untuk generasi mendatang supaya bangun daripada kesedaran bahawa setiap negara akan berdepan cabarannya sendiri, namun cabaran tidak wajar dijadikan alasan untuk mengecilkan potensi. Beliau berkongsi bahawa negara ini sudah memiliki tapak yang kukuh, dengan adanya bakat tenaga kerja, minyak dan gas, kelapa sawit, dan rantaian pembuatan namun realiti pencapaian, kita masih berlegar di bawah garis keupayaan sebenar. Pada hemat beliau, jarak antara potensi dan hasil bukan kerana kita miskin sumber, tetapi kerana kelemahan mengurus kekuatan yang sedia bersusun di hadapan mata.

Dalam kaca pandangnya, dunia luar tidak pernah sekadar penonton, tetapi merupakan kelas kuliah terbuka yang diam tetapi mengajar. Jiran dekat mengajar tentang akar masalah dan pintu keluar daripada perangkap, jiran jauh mengajar tentang disiplin struktur yang mengangkat bangsa dari pinggir ke kepimpinan. Yang membezakan negara maju dengan negara yang kekal bergelut bukan kepada apa yang mereka miliki, tetapi kepada bagaimana mereka mengurus apa yang mereka sudah lama miliki. Beliau meyakini bahawa peradaban sesebuah negara majmuk hanya akan naik ke darjat optimum apabila dua aspek ditegakkan serentak, iaitu politik yang matang dan minda yang terbuka. Matang dalam erti kemampuan duduk semeja untuk bermusyawarah merentasi garis kerajaan dan pembangkang, tanpa saling menafikan legitimasi kewujudan. Manakala, terbuka pula dalam erti kerelaan menerima kaedah baharu sebagai alat memugar dasar, termasuk teknologi sebagai wahana pelaksanaan sebagaimana yang beliau sendiri lakukan ketika negara terkurung dalam pandemik COVID-19. Kaedah dalam talian (Google Meet) dijadikan jambatan kerja agar khidmat tidak terputus meski sempadan fizikal tertutup rapat.

Tempoh khidmatnya yang panjang adalah semasa di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad disusuli Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Sri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Beliau telah menyaksikan dari jarak dekat bahawa keupayaan



Ketika di Kementerian Pengajian Tinggi.



Tempoh khidmatnya yang panjang adalah semasa di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, disusuli Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Sri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

kepimpinan negara ini tidak pernah lebih rendah nilainya daripada mana-mana kuasa luar, yang membezakan hanyalah cara mengurus dan memanfaatkan kekuatan, bukan kualiti bakat atau sumber. Tatkala Tun Dr. Mahathir Mohamed melantik beliau sebagai Menteri Keusahawanan yang pertama pada tahun 1995, dan seterusnya mempertanggungjawabkan dua portfolio serentak, iaitu sebagai Menteri Keusahawanan dan Menteri Kewangan II. Beliau yakin amanah itu berdiri sebagai saksi kepada reputasi etika kerjanya, disiplin yang teguh, ketuntasan kerja yang tidak bertangguh, dan tekad pelaksanaan yang tidak berbunyi tetapi sampai.

Dalam konteks pendidikan tinggi, idea keusahawanan tidak dibiarkan sekadar tertera di atas kertas, tetapi dilaksanakan secara struktural. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dijadikan teras kepada ekosistem keusahawanan, UiTM diperkukuh dalam budaya akademik yang rapi dan berarus industri, manakala kursus kemahiran insaniah ditetapkan sebagai keperluan kredit wajib sebagai sebuah isyarat bahawa nilai insaniah perlu dibina sebagai struktur, bukan sekadar diajar sebagai retorik. Dato' Sri Mustapa juga merupakan pelopor kepada kajian pengangguran graduan ketika di bawah kepimpinan beliau pada tahun 2007. Beliau mendorong bukan sekadar angka statistik, tetapi cermin untuk membetulkan haluan dasar. Beliau kini dilantik sebagai penasihat kepada Pusat Kajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals -SDG) dalam misi membasmi kemiskinan dan mencapai matlamat SDG. Pesanan beliau ringkas namun tegas, anak muda perlu cintakan buku dan membaca kerana beliau yakin bangsa yang tidak mengulang fikir, akan mengulang nasib.

Semasa menerajui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) selama Sembilan tahun, beliau telah menunjukkan kekuatannya dalam mempromosikan Malaysia, sebagai salah sebuah destinasi pelaburan yang utama di rantau ini. Kejayaan beliau menguruskan hal ehwal negara, memberikan beliau kelebihan ketika berunding dengan tokoh-tokoh antarabangsa perihal perdagangan dan ekonomi antarabangsa. Sesungguhnya Dato' Sri Mustapa bukan sahaja hebat dalam menguruskan ekonomi dan kewangan negara tetapi juga dalam mengharungi pelbagai cabaran di peringkat antarabangsa dan mempertahankan kepentingan Malaysia di pentas dunia.

Pandangan beliau, warisan yang sebenar bukanlah diukur pada lamanya tempoh seseorang memegang jawatan, tetapi pada kesan yang ditinggalkan. Perspektif beliau dalam aspek kepimpinan adalah bukan sekadar terlihat pada permukaan, tetapi dapat dirasai kesannya. Perumpamaan seperti belang harimau yang tetap kelihatan pada laluan walaupun ianya telah lalu pergi. Tambahan pula, pada pandangan beliau kemajuan bukan isu kelajuan bergerak, tetapi keberanian mengatasi potensi sedia ada dan memasuki kawasan yang belum diterokai.

Sebagai seorang insan yang kerdil, Dato' Sri Mustapa insaf dan sedar kejayaan beliau dalam menguruskan beberapa Kementerian dan mengharungi pelbagai cabaran adalah dengan izin Allah SWT. Beliau juga bersyukur atas nasihat serta panduan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dalam Kerajaan oleh Allahyarham Tun Daim Zainuddin, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, semasa mereka di Kementerian Kewangan, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Sri Mohd Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

PENERIMA GELARAN PROFESOR EMERITUS



**YBHG. DATUK PROF. EMERITUS TS.
DR. KAMARUDIN HUSSIN, FASc.**

Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
Istiadat Konvokesyen Khas
05 Oktober 2015



**YBHG. DATO' PROF. EMERITUS DR.
ALI YEON MD SHAKAFF**

Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
Istiadat Konvokesyen ke-19
09 November 2024

PENERIMA IJAZAH KEHORMAT TERDAHULU



**YAB. TUN DR.
MAHATHIR MOHAMAD**

Ijazah Kehormat Ulung
Doktor Kejuruteraan [Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Khas
17 Mac 2011



**YABHG. TUN DR.
SITI HASMAH MOHD. ALI**

Ijazah Kehormat Ulung
Doktor Sains [Hon. D. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Khas
17 Mac 2011



**YBRS. ENCIK
CHEAH HUN WAH**

Ijazah Kehormat Doktor
Kejuruteraan (Hon.D.Eng.)
Istiadat Konvokesyen ke -19
9 November 2024



**YBHG. PROFESSOR DR.
KAZAHIRO NOGITA**

Ijazah Kehormat Doktor
Kejuruteraan (Hon.D.Eng.)
Istiadat Konvokesyen ke -18
19 November 2023



**YBHG. PROFESSOR
DR. DAN CASCAVAL**

Ijazah Kehormat Doktor
Kejuruteraan [Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-17
26 November 2022



**YBHG. DATO' DR. IR. TS.
ANNUAR MOHD SAFFAR**

Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-16
23 November 2022



**YBHG. PROFESSOR
DR. SHINJI SHIMADA**

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-16
23 November 2022



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
IR. ABDALHIL ABDUL MAJID**

Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-15
5 Mac 2022



**YBHG. DATO' DR.
MOHD SOFI OSMAN**

Ijazah Kehormat Doktor
Kejuruteraan [Hon.D.Eng.]
Istiadat Konvokesyen ke -14
16 November 2019



**YBHG. DATO' HUSSAMUDDIN
HAJI YAACUB**

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-14
16 November 2019



YBRS. MS. ANNA MARIA BRAUN

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-14
16 November 2019



**YBHG. PROFESOR EMERITUS
DATO' IR. DR. ZAINAL MOHAMED**

Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-13
27 Oktober 2018



**YBHG. TUN
ABDULLAH AHMAD BADAWI**
 Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
 [Hon. D. Eng]
 Istiadat Konvokesyen Ke-12
 28 Oktober 2017



YBHG. TETSURO NISHIMURA
 Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
 [Hon. D. Eng.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-11
 22 Oktober 2016



**YBHG. TAN SRI DR. IR.
AHMAD TAJUDDIN ALI**
 Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
 [Hon. D. Mgt.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-11
 22 Oktober 2016



**YBHG. PROF. DATO' DR.
HAJI AHMAD SABIRIN ARSHAD**
 Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
 [Hon. D. Eng.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-10
 19 September 2015



**YBHG. DATUK
REDZA RAFIQ ABDUL RAZAK**
 Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi
 [Hon. D. Econ.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-10
 19 September 2015



**YBHG. PROF. DR.
BURHANETTIN UYSAL**
 Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
 [Hon. D. Mgt.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-10
 19 September 2015



**YABHG. TUN
DAIM ZAINUDDIN**
Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi
[Hon. D. Econ.]
Istiadat Konvokesyen Ke-9
27 September 2014



**YBHG. PROF. DR.
MOHAMMED A. HUSSAIN**
Ijazah Kehormat Doktor Sains
[Hon. D. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Ke-9
27 September 2014



**YBHG. TAN SRI DATO' SERI PADUKA
DR. HAJI SHAFIE HAJI MOHD SALLEH**
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-9
27 September 2014



**YBHG. PROF. DR.
ALI HUSSAIN RESHAK AL-JARRY**
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-9
27 September 2014



**YBHG. PROF. DR. (HC)
DAHLAN ISKAN**
Ijazah Kehormat Doktor Persuratan
[Hon. D. Litt.]
Majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat
24 April 2014



**YBHG. DATO'
YUSOF JUSOH**
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-8
21 September 2013



**YBHG. PROFESOR SIR
ANTHONY JAMES LEGGETT**

Ijazah Kehormat Doktor Sains
[Hon. D. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Khas
14 Januari 2013



**YBHG. TAN SRI DATO'
HAJI ZAINUL ARIFF HAJI HUSSAIN**

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-8
22 September 2013



**YBHG. DATUK ZAKIAH HANUM
HAJI ABDUL HAMID**

Ijazah Kehormat Doktor Persuratan
[Hon. D. Litt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-8
22 September 2013



**YABHG. TUN
AHMAD SARJI ABDUL HAMID**

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-7
29 September 2012



**ACADEMICIAN TAN SRI
PROFESOR EMERITUS DATUK
DR. AUGUSTINE ONG SOON HOCK**

Ijazah Kehormat Doktor Sains
[Hon. D. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Ke-7
29 September 2012



**YBHG. PROFESOR
CIARÁN Ó CATHÁIN**

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-7
30 September 2012



**YBHG. DR.
R. VARSANT KUMAR**
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-6
17 September 2011



**YBHG. TAN SRI DR.
ZULKEFLI A. HASSAN**
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
[Hon. D. Mgt.]
Istiadat Konvokesyen Ke-6
17 September 2011



**YBRS. PROFESOR DR.
KARL KOHLHOF**
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
[Hon. D. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-4
15 Ogos 2009



**YBHG. PROFESOR
DATO' DR. HASSAN SAID**
Ijazah Kehormat Doktor Doktor Sains
[Hon. D. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Ke-4
15 Ogos 2009



**YBHG. PROFESOR EMERITUS
TAN SRI DATO' DR.
SYED JALALUDIN SYED SALIM**
 Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
 [Hon. D. Eng.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-3
 16 Ogos 2008



**YBHG. DATO'
MOHAMED YUNUS RAMLI ABBAS**
 Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
 [Hon. D. Mgt.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-2
 18 Ogos 2007



**YBHG. TAN SRI DATO' HAJI
MUSA MOHAMAD**
 Ijazah Kehormat Doktor Sains
 [Hon. D. Sc.]
 Istiadat Konvokesyen Pertama
 22 Julai 2006



**YAB. DATO' SERI DR.
SHAHIDAN KASSIM**
 Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan
 [Hon. D. Mgt.]
 Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis
 Konvokesyen Komemoratif
 17 Julai 2004



**YBRS. ENCIK
ZAKI ABDUL AZIZ M.H.DAUD**
Ijazah Kehormat Sarjana Pengurusan
[Hon.M.Mgt]
Istiadat Konvokesyen Ke-18
19 November 2023



**YBRS. ENCIK
NIZAM SANI**
Ijazah Kehormat Sarjana Ekonomi
[Hon. M. Econ.]
Istiadat Konvokesyen Ke-17
26 November 2022



**YBHG. DATUK
ABDUL LATIF ROMLY**
Ijazah Kehormat Sarjana Sains Kemanusiaan
[Hon. M. Hum. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Ke-16
23 November 2022



**YBRS. ENCIK
GOH KHENG SNEAH**
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
[Hon. M. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-15
5 Mac 2022



YBRS. ENCIK LAU KEAN CHEONG
 Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
 [Hon. M. Eng.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-14
 16 November 2019



YBRS. ENCIK AMIRUDIN ABD KADIR
 Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
 [Hon. M. Eng.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-13
 27 Oktober 2018



YBRS. ENCIK SHAHARIZAL HAJI ARIFFADILLAH
 Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
 [Hon.M.Eng]
 Istiadat Konvokesyen Ke-12
 28 Oktober 2017



YBRS. HAJJAH JARIYAH HASHIM
 Ijazah Kehormat Sarjana Ekonomi
 [Hon. M. Econ.]
 Istiadat Konvokesyen Ke-11
 22 Oktober 2016



**YBRS. TUAN HAJI
TAHIRUDDIN TUN HAMDAN**
Ijazah Kehormat Sarjana Sains
[Hon. M. Sc.]
Istiadat Konvokesyen Ke-10
25 Julai 2015



**YBHG. DATO' DR.
ANNUAR MOHD SAFFAR**
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
[Hon. M. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-7
30 September 2012



**YBRS. ENCIK
MOHD PARID SULAIMAN**
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan
[Hon. M. Eng.]
Istiadat Konvokesyen Ke-6
17 September 2011

ANUGERAH, PINGAT DAN HADIAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

PERINGKAT UNIVERSITI

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

Anugerah Pelajaran Diraja dikurniakan oleh Majlis Raja-Raja/ Yang DiPertua Negeri menerusi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kepada dua [2] orang graduan di peringkat ijazah pertama yang terserlah dan mencapai kecemerlangan tertinggi dalam bidang akademik. Selain itu, graduan hendaklah aktif dalam aktiviti kokurikulum yang meliputi persatuan/ badan beruniform, mewakili universiti/negeri/negara dalam pertandingan seperti debat, reka cipta dan sebagainya, serta juga aktif dalam sukan.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

PINGAT EMAS CANSOLOR

Pingat Emas Canselor dikurniakan oleh UniMAP kepada dua [2] orang graduan di peringkat ijazah pertama yang terserlah dan cemerlang dalam bidang akademik serta kokurikulum seperti sukan/kelab/persatuan dan sekurang-kurangnya memegang jawatan penting, mewakili universiti/negeri/negara dalam debat, reka bentuk dan sebagainya. Selain itu, graduan hendaklah mempamerkan daya kepimpinan yang tinggi, ciri-ciri sahsiah yang baik dan boleh dicontohi.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

PINGAT EMAS NAIB CANSOLOR

Pingat Emas Naib Canselor dikurniakan oleh UniMAP kepada tiga [3] orang graduan di peringkat ijazah pertama dan dua [2] orang graduan di peringkat diploma yang mempamerkan kecemerlangan dalam bidang sukan dan persatuan. Selain itu, graduan hendaklah mempamerkan daya kepimpinan yang tinggi, ciri-ciri sahsiah yang baik dan boleh dicontohi.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH PINGAT EMAS NAIB CANSOLOR (TESIS TERBAIK IJAZAH DOKTOR FALSAFAH)

Anugerah Pingat Emas Naib Canselor (Tesis Terbaik Ijazah Doktor Falsafah) dikurniakan oleh UniMAP kepada seorang [1] graduan yang memperoleh tesis terbaik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH PINGAT EMAS NAIB CANSOLOR (TESIS TERBAIK IJAZAH SARJANA)

Anugerah Pingat Emas Naib Canselor (Tesis Terbaik Ijazah Sarjana) dikurniakan oleh UniMAP kepada seorang [1] graduan yang memperoleh tesis terbaik di peringkat Ijazah Sarjana (Mod Penyelidikan).

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD CAMPURAN

Anugerah PNGK Terbaik Program Pengajian Mod Campuran dikurniakan oleh UniMAP kepada seorang [1] graduan yang memperoleh PNGK terbaik di peringkat Ijazah Sarjana (Mod Campuran).

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD KERJA KURSUS

Anugerah PNGK Terbaik Program Pengajian Mod Kerja Kursus dikurniakan oleh UniMAP kepada seorang [1] graduan yang memperoleh PNGK terbaik di peringkat Ijazah Sarjana (Mod Kerja Kursus).

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Kecemerlangan.

HADIAH INOVASI

Hadiah Inovasi dihadiahkan oleh UniMAP kepada seorang [1] graduan bagi setiap program pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma yang menunjukkan daya Inovasi/keusahawanan terbaik dalam Projek Tahun Akhir.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Kecemerlangan.

HADIAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

Hadiah Kecemerlangan Akademik dihadiahkan kepada dua [2] orang pelajar terbaik bagi setiap program pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma untuk setiap kohort pengajian berdasarkan PNGK tertinggi.

Pelajar akan menerima Sijil Kecemerlangan.

PERINGKAT TAJAAN LUAR

HADIAH PELAJARAN

Hadiah Pelajaran ditaja oleh pihak industri dan diberikan kepada seorang [1] graduan cemerlang bagi setiap program pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma. Selain itu, graduan hendaklah aktif dalam aktiviti ko-kurikulum seperti sukan/kelab/persatuan dan mempunyai ciri kepimpinan, berkelakuan baik, bebas tindakan tatatertib universiti, serta memperlihatkan kualiti peribadi yang baik.

Graduan akan dihadiahkan Wang, sebuah trofi dan Sijil Kecemerlangan.

BEM PRESIDENT AWARD

BEM President Award ini ditaja oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan diberikan kepada seorang [1] graduan dalam bidang kejuruteraan yang memperoleh pencapaian akademik dan kokurikulum yang cemerlang, di samping mempunyai ciri kepimpinan, bebas tindakan tatatertib universiti, serta mempamerkan kualiti peribadi yang baik.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (MAE)

Anugerah Kejuruteraan dan Teknologi Pelajar ini ditaja oleh Persatuan Jurutera SeMalaysia (MAE) dan diberikan kepada seorang [1] graduan dalam bidang kejuruteraan berdasarkan kecemerlangan dalam pengajian akademik dan penyertaan dalam modul-modul yang ditawarkan di universiti, di samping mempunyai kualiti peribadi yang baik dan bebas tindakan tatatertib universiti.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Kecemerlangan.

ANUGERAH AGROBANK PRESIDENT AWARD

Agrobank President Award ini ditaja oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan diberikan kepada seorang [1] graduan yang memperoleh pencapaian akademik dan kokurikulum yang cemerlang di samping mempunyai ciri kepimpinan, bebas tindakan tatatertib universiti serta mempamerkan kualiti peribadi yang baik.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Kecemerlangan.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH, PINGAT DAN HADIAH ISTIADAT KONVOKESYEN 20 UniMAP, 2025

PERINGKAT UNIVERSITI

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

1. NIK NURAINA FADHILAH BINTI NIK MUHAMMAD NASIR
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)
2. ANDREW LEONG CHUN TATT
Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

PINGAT EMAS CANCELOR

1. SYAFIQAH NABIHAH BINTI MASSUWAN
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)
2. KOAY JING HENG
Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK)

PINGAT EMAS NAIB CANCELOR

(Pelajar Tempatan)

1. YASMEEN HANUM BINTI MOHAMAD ZUL-HILMY
Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA)
2. LIM JIA CHYIN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka
Bentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

PINGAT EMAS NAIB CANCELOR

(Pelajar Antarabangsa)

1. NASSER SALEM ZAINALLAH AL KHARRAZ
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)

PINGAT EMAS NAIB CANCELOR

(Pelajar Diploma)

1. QARINA BINTI KAMARUDIN
Diploma Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)
2. DIVASH NAIDU A/L GENGANAIDU
Diploma Kejuruteraan Elektronik
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

(Tesis Terbaik Doktor Falsafah, Tesis Terbaik Sarjana,
PNGK Terbaik Mod Campuran dan PNGK Terbaik Mod
Kerja Kursus)

ANUGERAH PINGAT EMAS NAIB CANCELOR

(Tesis Terbaik Ijazah Doktor Falsafah)

1. GIDADO MUHAMMAD JUNAID
Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kimia)
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK)

ANUGERAH PINGAT EMAS NAIB CANCELOR

(Tesis Terbaik Ijazah Sarjana)

1. MUHAMMAD AMIRUL BIN MOHD ANUAR
Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik)
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD CAMPURAN

1. MD IZZAT BIN MD MONIR
Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik Kuasa)
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)

ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD KERJA KURSUS

1. TAN YEE QIUN
Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kejuruteraan)
Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)

HADIAH INOVASI (Ijazah Sarjana Muda)

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)

1. KISHEN KUMAR A/L JEYAKUMARAN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuala
Industri) dengan Kepujian
2. MUHAMMAD SYAHMI AMRI BIN ISHAK
Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik
dengan Kepujian
3. ONG XU HONG
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
4. AIN NUR SYAHADAH BINTI HASRIN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi
Robotik dan Automasi) dengan Kepujian
5. SAW JIN WEN
Diploma Kejuruteraan Elektrik
6. LIM CHONG YAW
Diploma Kejuruteraan Mekatronik

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

1. LEE KAI XUAN
Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
2. NURUL ATHIRAH BINTI FADZIL
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
3. TEOH SOO YAO
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan
dengan Kepujian
4. NG WEN CHI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem
Elektronik) dengan Kepujian
5. NURUL SYAHIRAH ANIS BINTI ABD SAMAT
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka
Bentuk Telekomunikasi Elektronik) dengan Kepujian
6. FAKHRUL MUKMIN BIN MANSOR
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka
Bentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian

7. MUHAMMAD IMAN AFIQ BIN RAFIZAL
Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri
dengan Kepujian
8. NIK ILYA SHAQEELA BINTI ZAINODIN
Diploma Kejuruteraan Elektronik

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)

1. VANESSA LEE JIA YING
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
2. AHMAD ASLAM BIN ABDUL HAFIDZ
Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
3. AHMAD SYAHMI FAQIHIN BIN AB RAHMAN
Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dengan Kepujian
4. MUHAMMAD SYAZWAN SULHAMIZAN BIN SULAIMAN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
(Pemesinan) dengan Kepujian
5. TAQIUDIN AIMA BIN TAN SRI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem
Pertanian) dengan Kepujian
6. MUHAMMAD AIMA HAKIM BIN SAMSUDDIN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
(Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
7. ABDUL AZIM BIN ABD MAJID
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
(Pemprosesan Bahan) dengan Kepujian
8. MOHAMED AZMIN BIN MOHAMED IDRIS
Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
9. AHMAD HAZIQ BIN MOHD NIZAM
Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
10. AHMAD ASYRAF BIN ABDULLAH
Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian
11. YUO YONG LING
Diploma Kejuruteraan Pembuatan

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK)

1. NG SHI YEE
Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian
2. SITI NURNAJWA BINTI MAZLAN
Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dengan Kepujian
3. MUHAMAD NAJMI BIN NORDIN
Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer dengan Kepujian
4. NURUL HANISAH BINTI ABDULLAH
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Proses Kimia Industri) dengan Kepujian
5. NURUL ASYIQIN BINTI MOHAMAD FADZIL
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
6. ANG ZHEE LING
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri) dengan Kepujian
7. ZAFRI AZIZI BIN NORZAIREE
Diploma Kejuruteraan Metalurgi
8. NUR AIINI BINTI MOHD SUKRI
Diploma Kejuruteraan Metalurgi

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA)

1. SUWARNAKALISWAREN A/L VELAYUTHAM
Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian
2. UMMI SYAFIAH BINTI MUHAMAD YUSOF
Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar dengan Kepujian
3. THANESWARI A/P LOGANATHAN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian
4. LUQMAN HAKIM BIN ABDUL HALIM
Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian

Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)

1. KEONG FANG YI
Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian)

Fakulti Komputeran Cerdas (FKC)

1. NAJIHAH AFIQAH BINTI NORSHAM
Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
2. SREEGANESH A/L SIVAKUMAR
Diploma Kejuruteraan Komputer

PERINGKAT TAJAAN LUAR

HADIAH PELAJARAN

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)

1. JIVINESH A/L MURUGES
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Vitrox Foundation
2. WAN MUHAMAD AFNAN BIN WAN AZLI
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Respack Polyfilm
3. ABDURRAWOF BIN ABDUL RAHIM
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Mikro MSC Berhad
4. NURUL SYATIRAH BINTI MUHAMAD SAIFUDIN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Servelead
5. KISHEN KUMAR A/L JEYAKUMARAN
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Western Digital
6. MUHAMMAD NASRUL FAHMI BIN ZAMRI
Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Kobelco Precision Technology

7. LIAU ZHI JUN
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Western Digital
8. MUHAMMAD ARIF BIN DAMRI
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Vitrox Foundation
9. NUR AZMALISYA AQILA BINTI AZHAR
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Silterra Malaysia
10. MOHAMAD AFIF QAYYUM BIN HAKIMI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi
Robotik dan Automasi) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Vitrox Foundation
11. SITI KHATIJAH BINTI AHMAD FUAD
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi
Robotik dan Automasi) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Toyo Tyre Malaysia
12. CHOO ZHAN ZAO
Diploma Kejuruteraan Elektrik
Hadiah Pelajaran Vitrox Foundation
13. AHMAD ZHORIEF AMNAN BIN ZUHAIRIMIE
Diploma Kejuruteraan Mekatronik
Hadiah Pelajaran Walta Engineering
14. KARANESHWARY A/P RAGURAMAN
Diploma Kejuruteraan Mekatronik
Hadiah Pelajaran Vitrox Foundation

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN)

1. LARRY LAW YIH LAI
Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran SkyeChip
2. GOH KEAN GUAN
Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Oppstar Technology
3. DANNY CHANG JUN WEI
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Altera Corp

4. KHOO BOO NICK
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Sandisk Storage Malaysia
5. YAO LEI WEI
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan
dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran PPK Technology
6. MUHAMMAD AMZAR AMMAR BIN MOHAMAD ASRI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem
Elektronik) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Infineon Technologies
7. FATIN NUR SYAFIQAH BINTI YUSNI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka
Bentuk Telekomunikasi Elektronik) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Tekmark
8. LEE SHAN NI
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka
Bentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Tenasic Technology
9. AHMAD SYAHMI EDRI BIN MOHAMAD SHUKUR
Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri
dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran NationGate Holdings
10. MUHAMMAD AIDID BIN MOHAMAD ASRI
Diploma Kejuruteraan Elektronik
Hadiah Pelajaran Nanorian Technologies

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)

1. MUHAMMAD DANIAL BIN YUNUS
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
2. LIM CHUN HONG
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran TNB
3. AISYAH ARINA BINTI MOHAMMAD SHAHRAZEL
Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia

4. SITI FATINI BINTI MOHD SHUKRI
Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
5. MOHAMMAD HARITH BIN BADRUL HISHAM
Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
6. NG CHUNG KIT
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
(Pemesinan) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
7. NUR DANIA KHALEEDA BINTI NOOR AZAM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem
Pertanian) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
8. OOI ZHI HAO
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Reka
Bentuk Produk) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
9. FAIZ AIMA BIN JEFFRI SHAH
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
(Pemprosesan Bahan) dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
10. REYNER JAUNNY
Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran JV Auto Lube
11. NUR ADILA BINTI MUSTAPA KAMAL
Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Amitech Technology
12. MUHAMMAD KHAIRANI IRFAN BIN RAZALI
Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
Hadiah Pelajaran Molex Malaysia
13. MUHAMMAD AMIRUL AZRI BIN MOHD ZAIDI
